

**SOALAN NO.: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID IBRAHIM  
[ BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]  
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan apakah strategi jangka pendek, pertengahan dan panjang  
Kerajaan Persekutuan untuk menangani kejatuhan harga komoditi  
komersil terutama getah dan kelapa sawit serta kesan ekonomi ke atas  
pekebun kecil, peneroka skim-skim pertanian dan masyarakat luar  
bandar.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi utama negara seperti getah dan sawit bergantung kepada permintaan dan penawaran antarabangsa. Selain itu, ianya juga bergantung kepada pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimpor utama seperti China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Pakistan dan India.

Dalam kes sawit, hampir 40% daripada tanaman adalah diusahakan oleh para pekebun kecil di luar bandar. Sebagai langkah serta merta bagi membantu meningkatkan eksport, Kerajaan telah pun memberi pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit mentah bagi tempoh September hingga Disember 2014. Selain itu, langkah-langkah berterusan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

- i. Meningkatkan kadar adunan di bawah Program Biobahan Api dari B5 (adunan 5% biobahan api sawit dengan 95% diesel petroleum) ke B7 (adunan 7% biobahan api sawit dengan 93% diesel petroleum) mulai Januari 2015. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan minyak sawit mentah dalam negara sehingga 500 ribu tan setahun;

- ii. Menyediakan insentif tanaman semula kepada para pekebun kecil bagi menanam semula kawasan-kawasan yang tidak produktif dan mengurangkan penawaran minyak sawit dalam negara;
- iii. Meningkatkan usaha-usaha promosi produk-produk sawit di pasaran-pasaran sedia ada dan pasaran-pasaran baru; dan
- iv. Memperkuuhkan aktiviti-aktiviti R&D bagi mempelbagaikan produk-produk baru berdasarkan sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam kes industri getah, hampir 95% daripada pengusaha adalah pekebun kecil dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu golongan ini termasuk:

- i. Pemberian one-off sebanyak RM500 kepada setiap pekebun kecil yang telah diberikan pada tahun 2013 dan 2014;
- ii. Menyediakan insentif tanaman semula terutamanya kepada pekebun kecil bertujuan mengurangkan bekalan dan meningkatkan produktiviti dalam jangka masa yang panjang;

- iii. Melaksanakan mekanisma penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga FOB dan harga diterima oleh pekebun kecil. Mekanisma ini akan dilaksanakan mulai bulan November 2014 yang mana koperasi pekebun kecil akan membeli getah daripada pekebun kecil pada harga yang ditetapkan dan menjualnya terus kepada pengilang. Dengan berbuat demikian rantai pemasaran antara pekebun kecil dan pengilang akan dipendekkan. Dengan itu, harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan; dan
- iv. Kerajaan juga akan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah mulai tahun 2015. Bagi melaksanakan insentif ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta bagi membiayai insentif ini. Dalam hal ini, apabila harga SMR 20 FOB menurun ke paras RM4.60 sekilogram dan ke bawah, Kerajaan akan menyediakan insentif pengeluaran sebanyak RM0.30 sekilogram bagi *cuplumps* dan maksimum RM0.90 sekilogram lateks berdasarkan kepada kandungan getah kering.

Selain itu, di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mencadangkan mesyuarat peringkat Menteri di kalangan negara-negara *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) pada suku tahun pertama 2015. Ini adalah bertujuan membincangkan dasar mengimbangi penawaran dan permintaan di mana negara-negara ANRPC menyumbang hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

Di samping itu juga, *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* akan bermesyuarat pada 22 November 2014. Ahli-ahli ITRC terdiri daripada Malaysia, Indonesia, dan Thailand. Ketiga-tiga negara ini kini menghasilkan hampir 64% pengeluaran dunia. Matlamat mesyuarat ini adalah untuk menentukan langkah yang harus diambil oleh ketiga-tiga negara untuk membendung penurunan harga getah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 39**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) memandangkan Pelabuhan Darat di Segamat mempunyai potensi untuk dinaiktarafkan menjadi pusat pelaburan dan 'one stop centre' terminal pengangkutan adakah Kementerian bercadang membangunkan Pelabuhan Darat Segamat sebagai Terminal Utama Kereta Api di Segamat menggantikan stesen kecil sedia ada seiring dengan perlaksanaan laluan berkembar; dan
  
- (b) apakah Kementerian melalui PKFZ ada mempertimbangkan kaedah terbaik bagi memanfaatkan kemudahan yang telah tersedia wujud di pelabuhan darat Segamat ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Darat di Segamat akan dinaiktarafkan sebagai Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat atas usaha sama syarikat swasta. Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat dijangka akan berperanan sebagai pelabuhan darat dan pusat sehenti bagi aktiviti pemunggahan, pengendalian, penyimpanan dan pengedaran kargo. Terminal ini dijangka akan memantapkan lagi perkhidmatan pengangkutan dan rantaian logistik di negeri Johor.
- b) Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pelabuhan Darat Segamat telah dibangunkan oleh syarikat Segamat Inland Port Sdn. Bhd. (SIPSB). Pelabuhan Darat Segamat yang dibina adalah bertujuan untuk mewujudkan pusat konsolidasi kargo dan kontena untuk dihalakan terus ke Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Johor melalui rel untuk tujuan eksport tanpa dikonsolidasikan sekali lagi di PKFZ.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD  
RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2014, ISNIN**

**SOALAN : 40**

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menaikkan taraf peniaga Bumiputera yang dihimpit oleh masalah modal bagi meningkatkan modal perniagaan mereka kerana bank-bank perdagangan tidak begitu membantu sedangkan kaum-kaum lain senang mendapat modal untuk menjalankan perniagaan mereka secara 'consignment'. Adakah Kementerian mempunyai idea antaranya membantu mewujudkan perniagaan secara 'consignment' selain daripada bantuan modal seperti TEKUN.

## **JAWAPAN :**

### **Yang Di-Pertua,**

Bagi menaikkan taraf peniaga Bumiputera yang dihimpit oleh masalah modal, MARA telah menyediakan skim pembiayaan untuk usahawan meningkatkan modal perniagaan antaranya seperti berikut :

- i. **Skim Pembiayaan untuk Belia/Generasi Muda (PUTRA)** – Program ini ialah inisiatif MARA bagi melahirkan usahawan kecil dinamik dari golongan belia/generasi muda yang ingin memulakan perniagaan. Kemudahan PUTRA adalah untuk membiayai modal pusingan, belian stok dan peralatan.
  
- ii. **Program Pembentukan Usahawan Teknikal (PUTEK)** khusus untuk usahawan teknikal dengan menyediakan kemudahan latihan seperti kursus pembentukan usahawan, pengurusan perniagaan, peningkatan kemahiran dan asas teknikal yang sesuai dengan bidang perniagaan masing-masing, kemudahan sewaan peralatan dan mesin serta skim pembiayaan bagi yang layak.

- iii. **Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)** adalah kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan sedia ada dalam sektor perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan.
- iv. **Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress (SPiKE)** ditawarkan kepada usahawan Bumiputera dalam bidang kontrak dengan mudah dan cepat bagi membantu menambah bilangan kontraktor Bumiputera berwibawa. Skim ini terbuka kepada kontraktor dalam bidang binaan kelas F,E,D dan C, bekalan, perkhidmatan dan elektrik.
- v. **Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)** merupakan kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program usahawan Groom Big MARA. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin ke atas kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersil seperti Bank Muamalat dan Bank Rakyat kepada usahawan Bumiputera yang terpilih.